

## CERITA KANAK-KANAK BERUNSUR MITOS, LEGENDA DAN SEJARAH MEMBINA KECENDEKIAAN MURID-MURID SEKOLAH DALAM HOSPITAL

### CHILDREN'S STORY CONTAINING THE MYTH, LEGEND AND HISTORY BUILD INTELLECTUALISATION OF HOSPITAL SCHOOL'S STUDENTS

ANI OMAR

#### ABSTRAK

Hakikat kesusasteraan terbina daripada tiga unsur utama tidak dapat dinafikan, iaitu seni bahasa yang menjadi alat pengucapan pengarang, dimana bahasa yang halus adalah bahasa sastera, bahasa yang bergaya, iaitu bahasa yang bermanfaat isinya dan indah persembahannya. Kedua isi iaitu fenomena kehidupan yang berkaitan dengan persoalan manusia dan kemanusiaan iaitu manifestasi segala perkembangan pemikiran dan kreativiti pengarang yang sekaligus mencerminkan kemajuan peradaban sesuatu masyarakat atau bangsa semasa karya itu dicipta termasuklah kehidupan masa silam. Serta ketiga kreativiti iaitu cara penampilan bakat pengarang melalui gaya atau stail penciptaan. Karya sastera yang bermutu menampilkan konsepsi dan gaya persembahan yang boleh mencetuskan idea cendekia kepada khalayak yang menikmatinya. Sehubungan itu sastera kanak-kanak yang terbina daripada tiga unsur ini adalah fiksyen yang bermutu tinggi, termasuklah cerita-cerita berunsur mitos, legenda dan sejarah. Karya-karya berbentuk historiografi ini sama ada yang diadaptasi atau berbentuk cereka memainkan peranan penting dalam pembentukan kecendekiaan murid-murid Sekolah Dalam Hospital (SDH). Sehubungan dengan itu kertas kerja ini akan mengkaji dan menyetengahkan lima buah buku terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) yang menghimpunkan cerita-cerita rakyat berunsur mitos, legenda dan sejarah dengan gaya persembahan yang menarik dan bahasa yang mudah difahami oleh murid-murid SDH. Antara buku cerita yang dijadikan sumber kajian dalam kertas kerja ini ialah *Entimuk dan Kejuang*, *Perang Melaka*, *Pahlawan Rimba*, *Puteri Gunung Ledang* dan *Umang*

**Kata Kunci:** Cerita Kanak-Kanak, Mitos, Legenda, Sejarah, Cendekia

#### ABSTRACT

The fact of literature which is built from three main elements cannot be denied, that is the art of language which becomes a tool of author's expression, where the language is the language of fine arts, language with style, which is the language of useful content and beautiful presentation. Second, is the content which is the phenomenon of life that relates with human and humanity, namely the manifestation of all the development of thought and creativity of authors and reflects the progress of civilization of a society or a nation when the literary work was created, including the past life. And third, the creativity of the author's talent appearances through his way or style of creation. Qualities of literary work shows the conception and style of presentation that could trigger a clever idea to the audience whose enjoy it. Therefore, children's literature which is built up of the three elements are high-quality fiction, including stories containing the elements of myth, legend and history. The literary works of this form of historiography either adapted or fiction, play an important role in the formation of intellectual students of Hospital Schools (SDH). Hence, this paper will review and highlight the five books published by the Malaysian Institute of Translation and Books (ITBM) which is a combination of folk tales containing the elements of myth, legend and history with an exciting presentation style and language that is easily understood by Hospital School's students. Among the books that serve as a source of study in this paper is *Entimuk dan Kejuang*, *Perang Melaka*, *Pahlawan Rimba*, *Puteri Gunung Ledang* and *Umang*.

**Keywords:** Children's Story, Myth, Legend, History, Intellectual

#### PENGENALAN

Kajian mengenai Sekolah Dalam Hospital (SDH) boleh diibaratkan sebagai *research and development* untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran (pdp) agar murid-murid dapat menikmati pendidikan yang berkualiti dan seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Makalah ini mengutarakan tiga unsur utama yang membina kesusasteraan khususnya untuk kanak-kanak iaitu seni bahasa, fenomena kehidupan dan kreativiti. Unsur-unsur ini dikaitkan pula kepentingannya dengan kanak-kanak yang belajar di SDH. Perkara ini penting kerana murid-murid yang belajar di SDH juga berhak mendapat ilmu sepertimana murid-murid yang belajar di sekolah arus perdana. Walaupun mereka sakit dan sedang dirawat bagi menyembuhkan penyakit yang dideritai namun kajian mendapati mereka tetap bersemangat untuk belajar jika mendapat keizinan dari para doktor dan ibu bapa mereka. Perkara ini penting untuk menyemai ciri-ciri cendekia dalam kalangan murid-murid yang belajar di SDH supaya mereka tidak rasa ketinggalan atau rasa dipinggirkan. Perlu dinyatakan di sini, SDH adalah satu konsep di mana sekolah dibawa ke wad Pediatrik (kanak-kanak) bagi membolehkan pesakit kanak-kanak meneruskan pembelajaran dan mengelakan mereka dari tercicir dalam pelajaran. SDH di Malaysia adalah usaha sama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Yayasan Nurul Yaqeen, dan ahli-ahli jawatankuasa Projek Hati Nurani. Program ini dilancarkan pada 26 Julai 2011. Objektif utama penubuhan SDH ialah pertama menyediakan pendidikan yang formal dan

berstruktur di dalam persekitaran yang kondusif secara santai (fun learning) bagi murid yang sedang dirawat di hospital. Kedua menyediakan pendidikan di hospital bagi murid yang sakit melalui pelbagai pendekatan sebagai satu bentuk terapi. Ketiga menyediakan pendidikan kepada semua peringkat umur persekolahan tanpa mengira batasan tempat dan keadaan. Keempat menyokong dan memberi rangsangan kepada murid untuk meneruskan pembelajaran supaya tidak tercicir di dalam pelajaran. Salah satu agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Sistem pendidikan Malaysia tidak hanya tertumpu kepada pembangunan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran, yang mampu bersaing di pasaran kerja global malah untuk membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi. Ini semua dapat dicapai melalui proses pendidikan secara formal di sekolah. Melalui SDH, pembangunan modal insan masih lagi dapat diteruskan tetapi di luar amalan persekolahan yang konvensional. Hal ini kerana murid-murid akan diberikan ruang dan peluang menimba pendidikan selaras dengan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan meskipun berada di hospital. Proses pendidikan berjalan seiring dengan pembinaan modal insan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Program sekolah dalam hospital ini dilihat membawa suatu pembaharuan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pelaksanaannya membawa banyak manfaat kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah kesihatan dalam menerima pendidikan yang sewajarnya untuk mereka sepanjang tempoh rawatan di hospital tersebut.

Sehubungan itu, dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu khususnya, pelbagai kaedah boleh diperolehi oleh murid untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam aspek kemahiran berbahasa dengan baik, gramatis dan kreatif. Antara kaedahnya ialah dengan mempelajari kesusasteraan Melayu. Pekara ini tidak terkecuali untuk murid-murid yang sedang dirawat di hospital yang memerlukan kaedah tertentu agar setiap genre yang dipelajari mampu diserap ke dalam jiwa murid dalam membentuk mereka menjadi modal insan yang cemerlang berteraskan nilai dan budi. Oleh yang demikian sastera kanak-kanak merupakan wadah yang penting untuk membangunkan modal insan pada peringkat awal perkembangan diri mereka. Justeru itu, sastera kanak-kanak perlulah diberi perhatian dan tumpuan yang sewajarnya untuk membolehkan karya-karya tersebut terus berkembang dan selari dengan kehendak zaman. Sehubungan itu kepentingan sastera adalah kerana ia merupakan hasil seni kreatif bahasa yang mengungkapkan pelbagai fenomena kehidupan berdasarkan sensitiviti dan kreativiti pengarang. Mohd Kasim Ismail (1998) menyatakan 'Bahasa ibarat pedang, sastera adalah kilaunya'. Ungkapan ini bermaksud, kata-kata (bahasa) mempunyai kuasa yang diibaratkan pedang dan seni bahasa adalah kehalusan yang diibaratkan kilaunya. Begitulah ibaratnya bahasa. Bahasa yang baik adalah bahasa yang bertenaga (berilmu) dan halus (indah) penyampaiannya. Justeru, ia mudah diterima khalayak. Bahasa yang halus adalah bahasa sastera. Bahasa sastera, bahasa yang bergaya, iaitu bahasa yang bermanfaat isinya dan indah persembahannya. Aspek bahasa, ada dua perkara yang perlu diperjelaskan, pertama kekuatan (the power of words) dan kedua, keindahannya (the beauty of words). Sehubungan itu dalam konteks penelitian sastera, tumpuannya adalah mengkaji bahasa dari segi kekuatan dan keindahannya dalam suatu keseluruhan dan kesatuan pengucapan (wacana) seni.

Hubungannya dengan kanak-kanak SDH, adalah melalui pembacaan buku-buku cerita yang bermutu (bahasanya baik dan halus, isinya benar dan bertenaga) dapat membentuk keterampilan bahasa mereka. Selain daripada itu hakikat atau isi kesusasteraan adalah fenomena kehidupan yang berkait dengan manusia, haiwan dan makhluk Tuhan yang lain tidak boleh disangkal lagi. Kini penghasilan sastera abad ke-21, robot juga dijadikan watak baik sama ada dalam bentuk buku cerita, 'e-book', mahupun filem. Unsur kesusasteraan ini disemai untuk membentuk ciri-ciri kecendekiaan kepada murid-murid SDH melalui subjek Bahasa Melayu yang menjadi subjek teras di samping Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

## OBJEKTIF

Kertas kerja ini mempunyai dua objektif utama iaitu;

1. Memahami karya sastera kanak-kanak berunsur mitos, legenda dan sejarah dalam lima buah buku cerita rakyat terbitan ITBM (2014)
2. Menganalisis kepentingan karya sastera berunsur mitos, legenda dan sejarah dalam membina kecendekiaan murid-murid Sekolah Dalam Hospital

## METODOLOGI

Analisis teks kaedah kualitatif dilaksanakan untuk menyiapkan kertas kerja ini. Lima buah buku cerita kanak-kanak di bawah siri cerita Rakyat dan siri DidikRia telah dijadikan asas kajian. Buku-buku ini terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) iaitu *Puteri Gunung Ledang* karya Rahimah Muda (2014), *Perang Melaka* karya Nor Zailina Md Nordin (2014), *Pahlawan Rimba* karya Badariah Arbin (2014), *Umang* karya Isabella Jali (2014) dan *Entimuk dan Kejuang* karya Isabella Jali (2014). Kaedah temubual dan pemerhatian juga dilaksanakan dengan lima orang kanak-kanak berumur antara 9 hingga 12 tahun, iaitu murid-murid Sekolah Dalam Hospital (SDH) yang terpilih sahaja.

## PERMASALAHAN

Sastera bukan sahaja memaparkan dunia realiti kehidupan tetapi juga dunia fantasi dan imaginasi. Ini termasuklah cerita-cerita mitos, legenda dan sejarah. Dengan perkataan lain kesusasteraan adalah manifestasi segala perkembangan pemikiran dan kreativiti pengarang yang sekaligus mencerminkan kemajuan peradaban sesuatu masyarakat atau bangsa, sama ada yang berlangsung dalam kehidupan silam mahupun dalam dunia realiti masa kini. Namun demikian naskah kesusasteraan kurang mendapat sambutan dalam kalangan para pembaca. Fenomena terdahulu terutamanya yang berkaitan dengan kisah-kisah mitos, legenda seringkali dikatakan dongeng semata dan tidak masuk akal. Padahal kisah-kisah silam berunsur mitos legenda dan ada ciri sejarah ini mempunyai peranannya yang tersendiri dalam membangunkan tamadun dan peradaban bangsa.

Sehubungan dengan itu, kesusasteraan yang bermutu, adalah karya yang berani menyelami dan mengungkapkan kebenaran, iaitu sesuatu fenomena itu difikirkan sebaik-baik dan sehalus-halusnya. Di sinilah bersatunya kesusasteraan dengan falsafah, iaitu terhasilnya pengucapan seni yang merangkumi seluruh persoalan kehidupan yang mencapai tahap keinsanan insan. Oleh yang demikian, melalui sastera orang dewasa sebenarnya boleh mengajar dan mendidik kanak-kanak menghayati persoalan manusia

dan kemanusiaan, jati diri, semangat patriotisme dan nasionalisme. Perkara ini patut diketahui oleh semua kanak-kanak. Namun untuk kertas kerja ini fokus kajian adalah tertumpu untuk murid-murid SDH. Ini kerana kajian hendak membuktikan bahawa bahan sastera bersifat mitos, legenda dan sejarah juga boleh membangunkan minda dan membina ciri-ciri kecendekiaan murid-murid SDH. Tambahan pula murid-murid yang belajar di SDH kurang diketahui umum. Keberadaan mereka di SDH perlu diambil berat untuk mengembalikan semula semangat dan motivasi, supaya mereka cepat sembuh dan boleh kembali semula ke sekolah asal untuk meneruskan pembelajaran mereka.

Selain daripada itu kajian juga ingin membuktikan bahawa melalui karya berbentuk historiografi daya kreativiti atau kebolehan seseorang menyalurkan sebahagian daripada pengalaman lalu dapat dijelmakan kembali dalam bentuk yang baharu. Setiap pengalaman itu tidak semestinya baharu, tetapi baharu dari segi konsepsi dan gaya persembahannya. Pada asasnya setiap kanak-kanak SDH mempunyai bakat kreatif. Hanya corak perkembangannya yang berbeza. Ia bergantung kepada peluang, latihan dan kecerdasan. Jika latihan yang berterusan dapat diberikan, ini boleh membantu memajukan bakat dan pengalaman mereka dengan berkesan. Kecendekiaan murid-murid SDH boleh dipupuk melalui bakat kreatif yang dikembangkan mengikut tahap dan proses tertentu, bermula dari tahap yang mudah kemudian maju ke tahap yang sukar. Untuk menghasilkan karya kreatif, proses, masa dan latihan perlu diadakan. Dalam hubungan ini karya sastera yang bermutu perlu dirancang. Sehubungan itu karya sastera yang bermutu perlu dijadikan model penelitian bagi mendapatkan pengalaman kreatif daripada karya tersebut. Oleh yang demikian para guru dan ibu bapa harus berperanan memilih buku-buku sastera yang bermutu ciptaannya supaya dapat dijadikan rujukan membina bakat kreatif dan imaginatif kanak-kanak atau murid-murid SDH. Sehubungan itu kajian dijalankan dengan memilih beberapa orang murid berumur antara 9-12 tahun yang belajar di SDH terpilih yang dijadikan sampel kajian untuk makalah ini.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### SASTERA KANAK-KANAK BERUNSUR MITOS, LEGENDA DAN SEJARAH

Sastera kanak-kanak merupakan gambaran kehidupan dan fikiran manusia melalui bahasa, juga dari segi perkembangan yang menyeluruh dalam kehidupan kanak-kanak khususnya dalam aspek sosio-emosi, intelek dan psikomotor. Ani Haji Omar dan Nor Shahirah Haji Khalilludin (2014) menyatakan sastera kanak-kanak mencerminkan keseronokan, memberikan harapan dan mengandungi unsur optimis, di samping memberikan pengetahuan dan pengalaman baharu kepada pembaca khususnya kanak-kanak. Sehubungan dengan itu tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sastera sejarah atau dikenali juga sebagai karya historiografi merupakan salah satu genre popular dalam perbendaharaan prosa Melayu tradisional dan penting untuk kanak-kanak mengenali dan menghayatinya. Sastera sejarah bermaksud sastera berunsur sejarah. Sastera sejarah kanak-kanak adalah sastera adaptasi yang berunsur sejarah, sesuai untuk kanak-kanak. Unsur sejarah dalam sastera bukan membawa makna atau pengertian sejarah jauh sekali daripada tujuan memaparkan fakta sejarah. Sebaliknya unsur sejarah dalam sastera bersifat unsur dalam cerita yang membawakan makna atau konsepsi kehidupan manusia masa lalu dengan segala fenomenanya.

Justeru sifat sastera sejarah kanak-kanak sama bentuknya sebagai sebuah karya atau hasil sastera iaitu produks kreativiti pengarang dan unsur sejarah menjadi sebahagian daripada keseluruhan unsur yang membina sesebuah karya itu. Bahan utama karya bercorak sejarah ialah watak raja-raja yang dipercayai memerintah negeri-negeri kota yang menjadi pusat perhatian pengarang karya sastera sejarah berkenaan. Kebanyakan raja-raja di dalam karya-karya sastera sejarah ini selalunya dihubungkan dengan mitos. Seperti cerita *Perang Melaka* yang mengisahkan Parameswara yang pergi berburu di dalam hutan. Baginda kemudiannya berehat di bawah pokok. Ketika itu, baginda terlihat anjing perburuannya dikalahkan oleh seekor pelanduk putih. Baginda menganggap peristiwa itu sangat ganjil dan ingin menjadikan tempat itu kerajaan baharu. Seperti yang dikatakan dalam petikan berikut:

“Hebat sungguh pelanduk tadi melawan anjing beta”, titah Parameswara. Baginda kemudiannya memerhatikan di sekeliling. Apakah nama pokok ini?” tanya baginda sambil mendongak untuk melihat pokok tempat baginda berehat. “Pokok Melaka, tuanku”, jawab pembesar baginda. Parameswara tersenyum lalu bertitah, “Kalau begitu, beta namakan tempat ini Melaka. Beta ingin dirikan istana di sini.” *Perang Melaka* (2014: 4)

Mitos mudah disamakan dengan cerita rakyat yang mempunyai unsur keajaiban. Ini disebabkan keajaiban juga merupakan salah satu ciri-ciri mitos. Mitos secara umumnya dapat dijelaskan sebagai cerita-cerita yang mengandungi unsur-unsur luar biasa (supernatural), iaitu kuasa luar biasa yang ada pada manusia atau makhluk yang lain. Mitos di dalam sastera sejarah dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu mitos berhubungan dengan asal usul raja, mitos berkaitan dengan permulaan negeri, mitos berkaitan dengan pengislaman raja-raja Melayu dan lain-lain mitos. Legenda pula merupakan salah satu jenis sastera rakyat Melayu yang kerap digunakan oleh pengarang sastera sejarah. Tidak seperti mitos, legenda kurang memperlihatkan unsur-unsur keajaiban daripada aspek rohaniah, tetapi sebaliknya lebih menekankan keistimewaan-keistimewaan luaran seperti ketangkasan, kepahlawanan, kebal, kekuatan dan sebagainya. Oleh yang demikian tarikannya atau penerimaannya adalah dari segi kemungkinan ia terjadi pada alam nyata lebih daripada hubungan dengan adat dan kepercayaan agama. Tambahan pula legenda lebih senang wujud di dalam pengalaman pembaca kerana unsur ini kerap tumbuh di mana-mana dan sepanjang waktu. Ia lebih bersifat tempatan dan mendekati kepada tanggapan sejarah, walaupun pada tahap persepsi masyarakat yang kurang mementingkan rasional, legenda di dalam sastera sejarah dapat dikaji daripada peranan watak-watak yang boleh dibahagikan mengikut stratifikasi sosial yang tertentu. Umpamanya kisah Puteri Gunung Ledang. Dikatakan peristiwa ini menjadi legenda ketika istana Melaka diselubungi suasana sedih kerana kemangkatan Permaisuri Melaka. Sultan Mahmud Syah berasa sungguh gundah-gulana. Anak baginda, Raja Ahmad turut berduka. Tidak lama selepas itu, pembesar istana menghadap baginda dan mencadangkan supaya baginda berkahwin lagi. Baginda juga dikhabarkan tentang Puteri Gunung Ledang yang terlalu cantik paras rupanya. Baginda bersetuju dengan cadangan itu lalu menitahkan supaya Laksamana Hang Tuah, Tun Mamat, Sang Setia dan beberapa hulubalang ke Gunung Ledang untuk memining Puteri Gunung Ledang. Setelah menempuh pelbagai halangan dan dugaan Tun Mamat dan rombongan ditegur oleh nenek kebayan menyatakan Puteri Gunung Ledang bertakhta di puncak yang ke tujuh. Akhirnya mereka berjaya ke puncak tersebut lalu menyampaikan hasrat Sultan Mahmud Syah. Puteri Gunung Ledang

bersetuju tetapi dengan beberapa syarat. Rombongan Tun Mamat pulang ke istana. Mereka sangat bimbang apabila memikirkan syarat Puteri Gunung Ledang. “Mampukah baginda memenuhi kesemua syarat itu”, fikir Tun Mamat.

Setibanya di istana, Tun Mamat segera mengangkat sembah Sultan Mahmud Syah, dan menyampaikan syarat Puteri Gunung Ledang. “Puteri itu mahukan 1 jambatan emas dari Melaka ke Gunung Ledang, 7 dulang hati nyamuk, 7 dulang hati kuman, 7 tempayan air mata anak dara, 7 tempayan air pinang muda dan 1 mangkuk darah anak raja.”

Baginda terus bertitah, “Perintahkan rakyat untuk mengadakan kesemua syarat tuan puteri.” (*Puteri Gunung Ledang* 2014:17).

Namun di akhirnya Tun Mamat dan Sang Setia menghadap Sultan Mahmud Syah. “Ampun tuanku, semua barang untuk peminangan Puteri Gunung Ledang telah disediakan kecuali satu... darah anakanda tuanku” kata Tun Mamat.

Sultan Mahmud Syah terkejut mendengar syarat itu lantas mendapatkan Raja Ahmad. Tanpa disedari, air mata baginda mula bergenang. “Beta tidak akan mengorbankan putera beta, “titah Sultan Mahmud Syah. Tiba-tiba... Puteri Gunung Ledang muncul di pintu masuk balairung seri. Sultan Mahmud Syah dan semua menteri yang hadir terpegun melihat kecantikan Puteri Gunung Ledang. “Ampun tuanku, akhirnya tuanku sedar bahawa tidak semua yang tuanku kehendaki akan tuanku dapat. Patik pasti tuanku akan menjadi raja yang adil dan bijaksana kepada rakyat tuanku selepas ini, “ sembah Puteri Gunung Ledang lantas berlalu pergi. (*Puteri Gunung Ledang* (2014:24).

Sastera sejarah kanak-kanak dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu tradisi dan moden. Bentuk tradisi bersifat karya adaptasi daripada kisah-kisah lampau seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja Pasai* dan lain-lain. Bentuk moden, bersifat cereka atau fiksyen moden seperti novel atau cerpen yang bersifat karangan asli oleh penulis-penulis kontemporari. Isinya mengambil kisah-kisah daripada sejarah masa lalu yang berkait dengan tokoh-tokoh pahlawan sesuatu masyarakat atau bangsa. Antara contoh ialah *Panglima Awang*, *Tok Janggut*, *Mat Kilau*, *Tok Gajah* atau tokoh-tokoh legenda seperti *Puteri Gunung Ledang* dan *Mahsuri*, iaitu kisah-kisah yang mempunyai hubungkait dengan sejarah pada zaman tertentu. Pengarang mengambil bahan-bahan tersebut, dan menyusun ceritanya dalam cara atau gaya yang baharu dengan membuat pengubahsuaian unsur-unsur dan nilai sejarahnya dari segi laras bahasa dan makna ceritanya supaya sesuai dengan khalayak kanak-kanak.

Fiksyen sejarah kanak-kanak pula terbahagi kepada dua subgenre, pertama berbentuk realistik. Kedua berbentuk fantasi. Fiksyen sejarah realiti mengekalkan gambaran kehidupan lama dengan membuat adaptasi hanya dari segi bahasa dan maknanya. Jika untuk khalayak kanak-kanak bahasanya lebih mudah, dan maknanya mestilah bersifat selapis. Unsur-unsur bahasa kiasan atau alegori tidak akan dimasukkan. Unsur-unsur yang memberikan makna tersirat hanya akan dimasukkan ke dalam karya adaptasi untuk khalayak kanak-kanak yang lebih dewasa, iaitu sesuai dengan golongan pembaca yang sudah boleh memahami makna-makna atau maksud yang berlapis. Manakala fiksyen fantasi adalah karya adaptasi yang memberi gambaran ‘fantastik’ iaitu ‘keluarbiasaan’ atau ‘kesupernaturalan’ ke atas watak-watak dalam sastera lama. Pembentukan watak dalam karya seperti ini lebih bersifat rekaan dan unsur-unsur sejarahnya tidak dipentingkan lagi. Misalnya watak Ontoros dalam cerita *Pahlawan Rimba* iaitu cerita rakyat kaum Murut di Sarawak. Ontoros iaitu tokoh pahlawan yang pernah hidup pada zaman penjajah di Sarawak. Kalau dalam fiksyen sejarah, Ontoros harus diperlihatkan keunggulan sifat-sifatnya sebagai tokoh legenda zamannya maka dalam fiksyen fantasi gambaran kepahlawanan itu lebih bersifat rekaan, diperbesar-besarkan bagi memperlihatkan keunggulannya sebagai seorang pahlawan yang berjasa bagi kaumnya. Dalam fiksyen fantasi ini watak Ontoros dibentuk bagi memperlihatkan sifat-sifat keluarbiasaannya seperti dalam cerita fantasi imaginasi kepahlawanan yang bersifat rekaan itu. Bagaimanapun perlu diingat bahawa perlukisan watak Ontoros dalam *Pahlawan Rimba* bukan bersifat fantasi. Ia bersifat legenderik iaitu gambaran yang berunsur ‘mitologikal’ dan ‘historiogikal’. Perhatikan petikan berikut;

“Ontoros, ingatlah pesanan bapak ini. Jangan sesekali kamu bergaduh kerana tanah dan adat. Kita perlu bersatu menentang pengacau kaum kita. Biar bercerai nyawa sekalipun, kamu mesti lawan habis-habiskan” pesan Antanom.

“Bapak janganlah risau. Saya akan sentiasa ingat pesanan bapak itu,” janji Ontoros. Nasihat dan tunjuk ajar ayahnya tertanam dalam jiwanya. Ontoros membesar menjadi seorang pahlawan yang gagah dan berani. Bagi dirinya, orang yang pengecut tidak ada tempat di dunia rimba. (*Pahlawan Rimba* (2014: 8)

Sastera bersifat mitos, legenda dan sejarah ini penting untuk kanak-kanak kerana dalam konteks sastera melalui konsep masa dan ruang penulis-penulis sastera menggunakan bakat kreatif dan seni bahasa mereka membawa pembaca merentasi ruang dan zaman melalui cerita-cerita yang berunsurkan sejarah. Melalui pengembaraan ruang dan masa pelbagai pengalaman dapat diperolehi pembaca kanak-kanak. Antaranya adalah seperti memindahkan maklumat dan memberi makna peristiwa silam. Ia dapat dikatakan memasuki dunia masa lalu, kanak-kanak berpeluang mengalami dan mempelajari pelbagai maklumat dan makna kehidupan yang berkaitan dengan pertentangan atau konflik nilai, makna penderitaan dan kegembiraan, semangat dan sikap manusia dalam perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan. Selain daripada itu kisah masa silam juga dapat memberi kanak-kanak pengalaman gantian di luar dari pengalaman hidup seharian mereka. Ini akan membantu mereka menilai perbezaan nilai dan keberuntungan mereka hidup pada zaman mereka sendiri.

Rumusannya fakta sejarah yang nyata di dalam karya-karya sastera sejarah adalah nilai kepada masyarakat tradisi. Nilai ini bukan semata-mata sah di dalam zaman silam tetapi juga diarisi oleh sebahagian daripada masyarakat Melayu dewasa ini. Ternyata di dalam kesemua sastera sejarah tergambar sistem feudalism dan nilai yang dipunyai oleh masyarakat tersebut. susun lapis masyarakat yang berbentuk piramid dengan raja di puncak atas hamba di bawah raja adalah bangsawan-bangsawan dan di bawah bangsawan adalah hamba-hamba yang merdeka seperti petani-petani, saudagar dan sebagainya. Di dalam masyarakat yang sedemikian tidak dapat dilihat adanya mobiliti dari bawah ke atas, khususnya bagi naik ke kelas pemerintah yang khas



kepada keturunan darah semata-mata. Peneguhan dan pengekelan sistem feodal ini tidak semata-mata melalui kedudukan kuasa tetapi juga melalui ikatan tanggapan rakyat terhadap raja-raja. Segala peristiwa-peristiwa legenda dan mitos meninggalkan kesan kekuatan, kedaulatan dan kesucian raja-raja menolong menanamkan rasa takut dan hormat rakyat terhadap rajanya. Manakala peristiwa-peristiwa yang dianggap fakta sejarah itu adalah manifestasi bagi kedudukan raja dan hubungannya dengan para pegawai dan hambanya. Kekuatan fakta sejarah mengatasi unsur-unsur di luar sejarah bergantung kepada tujuan khusus dan bila karya tersebut di tulis.

## DAPATAN

### **Membimbing Kanak-Kanak Memahami Kehidupan adalah Kesenambungan Masa Silam**

Bukan mudah untuk membentuk perilaku seorang kanak-kanak yang unggul. Oleh itu ikutilah kata pepatah, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Sastera kanak-kanak lebih mendekati jiwa seseorang kanak-kanak. Golongan ini sangat sensitif terhadap persekitaran. Sastera kanak-kanak antara satu medium yang boleh digunakan untuk membimbing kanak-kanak dalam menjalani kehidupan seharian. Perkara-perkara asas perlu diketahui oleh kanak-kanak supaya mereka tidak kekok apabila bergaul dengan masyarakat. Sastera kanak-kanak dapat mengajar kanak-kanak agar tidak melanggar norma atau tatasusila yang telah diwarisi sejak dari dahulu. Membantu kanak-kanak melihat diri sendiri dalam situasi sekarang. Memahami keadaan yang berlaku sekarang sebagai sebahagiannya daripada kesan tindakan atau kejadian lampau atau kehidupan masa lalu. Justeru, kehidupan adalah suatu proses yang berkesinambungan. Melahirkan nilai penghargaan terhadap warisan bangsa iaitu nenek moyang mereka, tentang susah payah mereka yang menjadi sebahagian daripada kejayaan yang diperolehi mereka pada hari ini. Nilai-nilai masa lampau yang baik perlu diteladani. Umpamanya kisah rakyat *Umang* yang tidak mendengar kata ibunya. Akhirnya hampir lemas di dalam sungai. Namun sempat diselamatkan oleh ibunya. Moral cerita ini kanak-kanak haruslah mendengar nasihat, pesanan dan kata ibu dan bapa supaya selamat hidup di dunia dan di akhirat.

### **Menilai Kesilapan Masa Lalu**

Membaca kisah-kisah lalu membantu kanak-kanak menilai kesilapan yang dilakukan oleh individu atau masyarakat masa lalu. Kisah-kisah yang berkaitan dengan perhambaan, penganiayaan dan kezaliman ke atas manusia perlu ditafsir dan dinilai punca dan sebabnya supaya kelemahan tindakan masa lalu itu seharusnya tidak berulang lagi dalam kehidupan kini. Umpamanya kisah legenda *Puteri Gunung Ledang*. Membaca kisah-kisah seperti ini akan mempertajam sensitiviti kanak-kanak tentang masalah manusia dalam hubungannya dengan kepercayaan dan kebudayaan. Kanak-kanak boleh memilih mana-mana nilai yang baik atau menolak yang tidak baik. Tegasnya penilaian kehidupan masa lalu memberi peringatan dan panduan melangsungkan kehidupan hari ini.

### **Memahami Perubahan Sebagai Suatu Keperluan kerana Desakan Hidup Masa Itu**

Perubahan adalah suatu nilai yang perlu dalam kehidupan. Sesuatu perubahan atau pembaharuan harus berlaku secara natural dan sesuatu yang dipaksakan dalam kehidupan manusia. Melalui pengalaman sejarah kanak-kanak boleh mempelajari pelbagai nilai yang bersifat peringatan, misalnya “jika mahu berjaya atau selamat dalam dunia kehidupan, mereka perlu berubah dalam cara berfikir dan bertindak”. Namun haruslah dibuat dengan cara yang betul. Contohnya melalui kisah *Entimuk dan Kejuang*, kisah mitos masyarakat di ‘rumah panjang’ Sarawak. Entimuk dan kakaknya Kejuang mewarisi harta pusaka seperti tanah, tembikar dan gong. Ayah mereka telah berpesan kepada Kejuang, “Usahakanlah tanah itu bersama-sama adikmu. Jangan jual tembikar dan gong tinggalan nenek moyang kamu itu. Jaga adikmu baik-baik.” Sebagai anak sulung, Kejuang berasa dirinya patut memiliki sebahagian besar harta pusaka itu. Namun Kejuang tidak berlaku adil terhadap adiknya. (*Entimuk dan Kejuang*, 2014:4). Jatuhnya seorang individu atau pemimpin kerana perbuatan kejam atau zalim, hancurnya cita-cita pemimpin kerana niat jahatnya; musnahnya hidup seorang pembesar, kerana tipu muslihatnya; tewasnya seorang pendurhaka kerana keberaniannya atau matinya seorang kanak-kanak kerana kepintarannya. Demikianlah ikhtibar dari cerita mitos ini.

Masa berubah, negara bangun dan jatuh, pemimpin datang dan pergi. Namun nilai sarwarjagat memerlukan manusia, individu atau masyarakat, pemimpin atau yang dipimpin, meninggalkan nilai dan jasa yang baik, mengubah sikap dan tindakan agar dapat dijadikan panduan dan kenangan abadi. Setiap manusia memerlukan usaha memelihara nilai-nilai mulia, kehormatan, rasa kepunyaan, kecintaan, keberanian, pengorbanan, kebebasan dan keselamatan, sama ada pada masa hidup zaman lampau atau masa kini masing-masing memerlukan nilai-nilai tersebut. Sebahagian daripada nilai-nilai dan kehidupan masa lalu itu walaupun adaptasi dari cerita-cerita mitos, legenda dari sastera sejarah namun ia tetap memberi nilai tambah kecendekiaan kepada murid-murid SDH.

### **Menghargai Nilai Kepahlawanan dan Memahami Nilai Manusia Saling Memerlukan**

Cerita sejarah juga membolehkan kanak-kanak mempelajari nilai-nilai yang boleh dan sering dikongsi bersama, saling diperlukan bagi tujuan memelihara dan mempertahankannya. Melalui kelima-lima buku cerita terpilih yang dikaji didapati bahawa manusia saling berhubungan dan memerlukan antara satu sama lain dalam banyak hal baik dalam bidang keilmuan, membentuk kemahiran, menjayakan atau mengagalkan sesuatu bagi perkara-perkara yang tidak baik umpamanya bersifat tamak akan membawa rugi dalam cerita *Entimuk dan Kejuang*, mendengar nasihat ibu dalam cerita *Umang*. Seorang raja haruslah mengasihani rakyat jelata melebihi daripada kepentingan diri sendiri, haruslah bersifat adil dan saksama umpamanya dalam cerita *Puteri Gunung Ledang*, dalam cerita *Perang Melaka* pula rakyat jelata haruslah taat setia kepada raja dan negara, jika berlaku belot akibatnya akan musnahlah negara berkenaan di tawan oleh penjajah. Di samping itu kanak-kanak juga diajar untuk menghagai jasa pahlawan terdahulu dalam mempertahankan tanah air seperti cerita *Pahlawan Rimba*, di aman Ontoros terkorban dalam mempertahankan kaum dan tanah airnya dari dijajah oleh penjajah yang tidak berhati perut.

“kematian Ontoros menambahkan lagi kebencian kaum Murut kepada penjajah. Mereka mula berpindah ke kawasan pedalaman. Di situ, mereka tidak lagi menjadi buruh paksa dan hamba penjajah”. (*Pahlawan Rimba* 2014:32)

### Meningkatkan Kemahiran Berbahasa dan Appresiasi Sastera

Dalam penulisan sastera kanak-kanak cabarannya amatlah besar kerana ianya merangkumi segala aspek dalam perkembangan kanak-kanak. Antara perkembangan yang boleh mempengaruhi kanak-kanak ialah dalam perkembangan bahasa dan komunikasi. Menurut Allor & Mc Cathreen (2003) Sastera kanak-kanak boleh digunakan untuk membantu perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Ini boleh dilakukan melalui bacaan secara kuat kepada kanak-kanak di bilik darjah. Melalui aktiviti bacaan secara kuat ini kanak-kanak akan berpeluang mendengar sebutan yang betul, menyatakan idea atau pendapat melalui perbincangan, dan menceritakan semula cerita atau menulis, atau melukis cerita yang telah didengar atau yang telah dibaca oleh mereka. Umpamanya dalam cerita Puteri Gunung Ledang murid-murid boleh meningkatkan pemahaman dalam puisi tradisional dengan melagukan puisi-puisi berkenaan sambil berapresiasi. Umpamanya gurindam yang didengar oleh Tun Mamat di puncak Gunung Ledang;

Datang ke mari tidak berjempit,  
Berjalan pula terhinggut-hinggut;  
Tun Mamat janggut sejempit,  
Tercunggap-cunggap bernafas sempit.

*Puteri Gunung Ledang (2014:10)*

Seterusnya, perkembangan dalam aspek personaliti iaitu dalam penghasilan cerita mitos dan legenda, ia boleh dijadikan sebagai satu panduan kepada kanak-kanak mengenai personaliti diri yang baik dan sesuai bagi kanak-kanak. Umpamanya kanak-kanak boleh melakunkan gaya nenek kebayan yang bernyanyi dengan suara yang merdu seperti berikut;

Di hadapan mahligai puteri,  
Tumbuh pokok nyiur gading;  
Ada serumpun buluh perindu,  
Nama puteri di situlah seru.

*Puteri Gunung Ledang (2014:14)*

Melalui pembacaan buku, kanak-kanak akan membuat pertimbangan sama ada pelakuan watak didalam buku itu bersesuaian atau tidak dari situ mereka dapat membezakan yang mana baik dan buruk. Kanak-kanak juga dapat belajar memahami perasaan mereka sendiri, menghargai diri sendiri dan belajar bagaimana untuk menyuarakan ketidakpuasan hati mereka secara bersesuaian dan berkesan.

Buku cerita kanak-kanak juga membantu dalam perkembangan rohani dan moral mereka. Hal ini kerana dalam buku yang dihasilkan mengandungi unsur-unsur positif dan penuh dengan pengajaran. Contohnya dari sudut kerohanian buku sastera kanak-kanak kaya dengan cerita-cerita anbiya dan juga kisah-kisah nabi yang penuh dengan tauladan. Akhir sekali ialah perkembangan dari segi sosial iaitu kanak-kanak memerlukan contoh bersosial yang baik, dan mereka mempelajarinya dengan membaca buku cerita dan menilainya dari melihat apa yang dilakukan oleh watak-watak didalam buku. Menurut Glazer (2000) peniruan boleh berlaku dengan menggunakan buku. Ini kerana melalui buku terdapat perlakuan prososial seperti bertolak ansur, menunggu giliran, meminta izin, memohon maaf dan banyak lagi. Di sini kanak-kanak mempelajari dan mencontohi tingkah laku yang betul dan boleh diterima oleh masyarakat disamping melihat cara bersosial masyarakat yang berada disekeliling.

Apresiasi sastera boleh dikembangkan dan ditingkatkan melalui pembacaan sastera dalam kalangan kanak-kanak sepanjang hayat. Keseronokan membaca karya-karya sejarah akan menyedarkan mereka tentang corak dan bentuk seni masyarakat atau bangsanya pada masa lalu yang berunsurkan sejarah. Di samping meningkatkan makna estetika melalui sastera sejarah kanak-kanak juga sebenarnya dapat membebaskan mereka daripada bersifat seperti 'katak di bawah tempurung'.

### KESIMPULAN

Dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan bahan sastera berunsur mitos, legenda dan sejarah adalah penting dilaksanakan untuk murid-murid SDH. Hal ini demikian kerana, penggunaan sastera mampu untuk menjadikan pelajar lebih ceria dan juga mengembirakan hati mereka sendiri. Sebagai contoh mereka melagukan pantun yang mereka suka mengikut rentak mereka sendiri. Di sini jelas, bahawa dengan menggunakan buku cerita murid-murid pasti akan ceria. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan sastera sebenarnya akan memberikan banyak kebaikan, bukan sahaja sebagai terapi melawan penyakit, malah ia juga dapat menonjolkan bakat yang ada dalam diri setiap pelajar dan secara tidak langsung ianya mampu untuk menjadikan karya yang dibuat oleh mereka sebagai contoh teladan kepada orang lain. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tanah air kita mempunyai pelbagai siri cerita rakyat berunsur sejarah yang diadaptasi dari cerita mitos dan legenda yang diubah suai agar dapat memberi pengajaran, motivasi serta nilai-nilai murni bersifat cendekia kepada kanak-kanak. Perkara ini selari seperti yang terdapat dalam kurikulum pendidikan negara. Nilai-nilai murni itu dapat membina peribadi dan pekerti kanak-kanak seperti semangat berdikari, hormat menghormati, keberanian, kasih sayang, kejujuran, kesyukuran dan kebersihan mental serta fizikal. Untuk menarik minat kanak-kanak membaca dan meminati cerita-cerita berunsur sejarah, mitos dan legenda, kajian ini mendapati bahawa bukan sahaja bahan cerita itu penting malah jenis ilustrasi yang digunakan dalam bahan bacaan juga akan memberi kesan kepada pembacanya. Ilustrasi juga boleh membantu meningkatkan kefahaman pembaca terhadap konsep sejarah, seperti ilustrasi yang terdapat dalam buku-buku sains. Faktor-faktor lain yang perlu dititikbertakan oleh penulis adalah berdasarkan ayat yang digunakan, perbendaharaan kata serta susunan ayat yang dinyatakan. Umum mengetahui kenak-kanak sukar untuk memahami ayat yang tinggi bahasanya disebabkan itu penulis perlu menilai aspek-aspek ini sebelum berkarya. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab haruslah berusaha dan bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti pengkarya, ilustrator

dan penerbit agar langkah-langkah yang berkesan dapat dilaksanakan. Dengan adanya langkah yang bakal dilakukan maka cerita kanak-kanak berunsur sejarah, mitos dan legenda akan lebih bermutu serta dapat membina kecendekiaan dan jati diri kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Dengan itu kanak-kanak akan lebih cenderung untuk mengetahui kehidupan masa silam dengan lebih mendalam lagi. Minda mereka juga lebih berkembang untuk menerima maklumat dengan lebih baik. Malah mereka juga menjadi lebih bijak dalam perkembangan diri yang seimbang untuk masa akan datang khususnya untuk murid-murid sekolah dalam hospital.

## RUJUKAN

- Ali Ahmad (1987). *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ani Haji Omar dan Nor shahirah Haji Khalilludin (2014). *Sastera Kanak-Kanak Untuk Perkembangan Diri Yang seimbang*. Tanjung Malim: Penerbit Mentari
- Badariah Arbin (2014). *Pahlawan Rimba*. Kuala Lumpur: Institut Terjemah & Buku Malaysia.
- Hadijah Rahmat (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Kasim Ismail (1998). *Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Zailina Md Nordin (2014). *Perang Melaka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemah & Buku Malaysia.
- Rahimah Muda (2014). *Puteri Gunung Ledang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemah & Buku Malaysia.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Isabella Jali (2014). *Umang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemah & Buku Malaysia.
- Isabella Jali (2014). *Entimuk dan Kejuang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemah & Buku Malaysia.
- Winstedt, R.O., (1972). *A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Zaharah Ibrahim, ed. (1986). *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Sharif dan Jamilah Ahmad, ed. (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ani Binti Haji Omar  
Faculty of Languages and Communication  
Sultan Idris Education University  
Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan, Malaysia